

Headline	Kedah sasar separuh akhir Kejohanan Ragbi 7-Sepasukan Kebangsaan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	28 Jul 2015	Language	Malay
Circulation	17,812	Readership	53,436
Section	Sukan	Color	Black/white
Page No	22	ArticleSize	121 cm ²
AdValue	RM 242	PR Value	RM 726



Kedah sasar separuh akhir Kejohanan Ragbi 7-Sepasukan Kebangsaan

ALOR SETAR: Kedah memasang cita-cita mara sehingga ke separuh akhir Kejohanan Ragbi 7-Sepasukan Kebangsaan 2015 di Padang Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 8 dan 9 Ogos ini.

Presiden Kesatuan Ragbi Kedah Darul Aman Datuk Othman Aziz berkata skuad negeri ini sedang menjalani persiapan rapi dalam memastikan sasaran itu mampu digapai.

"Sasaran untuk kategori senior itu adalah realistik selepas mereka hanya menduduki tempat keenam pada kejohanan tahun lepas," katanya pada sidang media kejohanan di sini kelmarin.

Sebanyak 14 pasukan, masing-masing akan

bertanding dalam kategori remaja bawah 19 tahun merebut Piala Remaja Milo dan kategori senior bagi merebut Piala Ung Khek Cheow.

Sementara itu, Othman berkata majlis penutupan dan penyampaian hadiah kejohanan itu akan disempurnakan Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir. -Bernama

KATEGORI REMAJA BAWAH 19 TAHUN (Piala Remaja Milo):

Kumpulan A: Kelantan, Melaka dan Majlis Sukan Universiti Malaysia
 Kumpulan B: Selangor, Perlis dan Kedah
 Kumpulan C: Negeri Sembilan, Kuala

Lumpur, Labuan dan Angkatan Tentera Malaysia

Kumpulan D: KL Saracens, Johor, Terengganu dan Pulau Pinang

KATEGORI SENIOR (Piala Ung Khek Cheow):

Kumpulan E: Kelantan, Putrajaya dan Kuala Lumpur

Kumpulan F: Johor, Perak dan Polis Diraja Malaysia

Kumpulan G: Angkatan Tentera Malaysia, Negeri Sembilan, Perlis dan Labuan

Kumpulan H: Terengganu, Kedah, Selangor dan Pulau Pinang.